

**SULIT**    **ANGKA GILIRAN:** \_\_\_\_\_

---



**Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019**

Jun 2019

**JTW109 - Ekonomi untuk Pengurusan I**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEMBILAN BELAS (19)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas borang OMR. **Bahagian B** jawab di atas buku jawapan yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

- 2 -

**BAHAGIAN A [90 markah]**

1. Nilai sesuatu barang adalah \_\_\_\_\_.
  - A. harga sebenar yang dibayar tolak harga maksimum yang sanggup dibayar
  - B. harga maksimum yang sanggup dibayar
  - C. harga sebenar yang dibayar
  - D. harga maksimum yang sanggup dibayar tolak harga sebenar yang dibayar
  
2. Apabila peningkatan jenis barang yang dikeluarkan membawa kepada penurunan purata kos pengeluaran, firma dikatakan mengalami \_\_\_\_\_.
  - A. pulangan berkurangan
  - B. ekonomi berdasarkan skala (*economies of scale*)
  - C. ekonomi berdasarkan skop (*economies of scope*)
  - D. ekonomi tidak berdasarkan skala (*diseconomies of scale*)
  
3. Shazlin sanggup membayar RM20 untuk menyaksikan Paskal untuk kali keempat. Beliau berjaya mendapatkan tiket yang berharga RM5 maka lebihan pengguna Shazlin adalah sebanyak \_\_\_\_\_.
  - A. RM5
  - B. RM15
  - C. RM20
  - D. RM25
  
4. Zaki ingin menjual rumah beliau. Harga yang beliau minta adalah RM220,000 dan beliau tidak akan menerima tawaran yang kurang daripada RM200,000. Beliau akhirnya menjual rumah tersebut dengan harga RM205,000. Lebihan pengeluar bagi Zaki adalah sebanyak \_\_\_\_\_.
  - A. RM5,000
  - B. RM15,000
  - C. RM20,000
  - D. RM25,000
  
5. Apabila kuantiti efisien sesuatu output dikeluarkan maka \_\_\_\_\_.
  - A. faedah marginal unit terakhir yang dikeluarkan sama dengan kos marginalnya
  - B. sumber digunakan dalam aktiviti yang paling bernilai
  - C. jumlah lebihan penguna dan lebihan pengeluar dimaksimakan
  - D. Semua di atas.

**- 3 -**

6. Adam Smith menyatakan bahawa setiap orang dalam pasaran kompetitif terarah untuk \_\_\_\_\_.  
A. menggunakan sumber masyarakat secara tidak efisien, walaupun niat beliau adalah untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera  
B. menggunakan sumber masyarakat secara efisien kerana niat beliau adalah untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera  
C. menggunakan sumber masyarakat secara efisien, walaupun tiada siapa berniat untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera  
D. menggunakan sumber masyarakat secara tidak efisien, kerana tiada siapa pun berniat untuk menjadikan masyarakat lebih sejahtera
7. Manakah antara faktor pengeluaran berikut paling berkemungkinan menjadi faktor berubah jangka pendek?  
A. Tanah.  
B. Buruh.  
C. Teknologi.  
D. Peralatan modal.
8. Kerugian bobot lupus (*deadweight loss*) berlaku apabila \_\_\_\_\_.  
A. lebihan pengeluar lebih besar daripada lebihan pengguna  
B. tahap maksimum kesejahteraan tidak dicapai  
C. lebihan pengeluar dikurangkan  
D. barang inferior digunakan
9. Lebihan pengeluar adalah \_\_\_\_\_.  
A. harga yang diterima untuk barang tolak kos melepas untuk menghasilkannya  
B. harga yang diterima untuk barang tolak nilai barang tersebut  
C. kos melepas untuk menghasil barang tolak harga yang diterima untuk barang tersebut  
D. nilai barang tolak harga yang diterima untuk barang tersebut
10. Apabila pasaran kompetitif menggunakan sumber secara efisien maka \_\_\_\_\_.  
A. jumlah lebihan pengguna ditambah jumlah lebihan pengeluar bersamaan sifar  
B. jumlah lebihan pengguna dimaksimakan  
C. jumlah lebihan pengeluar dimaksimakan  
D. jumlah lebihan pengguna ditambah jumlah lebihan pengeluar dimaksimakan

- 4 -

11. Kos marginal biasanya \_\_\_\_\_.
- A. tetap walaupun pengeluaran meningkat
  - B. menurun apabila faedah marginal menurun
  - C. meningkat apabila pengeluaran meningkat
  - D. menurun apabila pengeluaran meningkat
12. Jika anda membayar harga yang sama dengan kesanggupan anda untuk membayar bagi sesuatu barang maka \_\_\_\_\_.
- A. lebihan pelanggan anda adalah RM0
  - B. kesanggupan anda untuk membayar kurang daripada lebihan pengguna
  - C. lebihan pengguna anda adalah negatif
  - D. nilai barang tersebut adalah rendah
13. Bayaran oleh kerajaan untuk mengurangkan harga yang dibayar oleh pengguna dan meningkatkan harga yang diterima oleh penjual dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. subsidi
  - B. kuota
  - C. harga siling
  - D. cukai
14. Barang awam digunakan oleh \_\_\_\_\_.
- A. seorang sahaja secara percuma
  - B. semua orang secara serentak secara percuma
  - C. seorang sahaja dan dia perlu membayar
  - D. orang secara serentak asalkan mereka membayar
15. Sumber ketidakcekapan ekonomi adalah berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. cukai
  - B. kos eksternal
  - C. persaingan
  - D. subsidi
16. Cukai menyebabkan kerugian bobot lopus (*deadweight loss*) berlaku kerana cukai yang dikenakan \_\_\_\_\_.
- A. menyebabkan kerajaan meningkatkan perbelanjaan
  - B. menyebabkan pembeli mengurangkan penggunaan dan penjual mengurangkan pengeluaran sesuatu barang
  - C. menyebabkan ketidakseimbangan pasaran
  - D. menyebabkan kerugian kepada pembeli melebihi kerugian kepada penjual

...5/-

**SULIT**

**- 5 -**

17. Pasaran kompetitif biasanya mengeluarkan \_\_\_\_\_.
- A. terlalu banyak barang awam
  - B. barang awam dalam jumlah yang efisien
  - C. barang awam dalam jumlah yang efisien dalam jangka pendek sahaja
  - D. terlalu sedikit barang awam
18. Kesediaan pelanggan untuk membayar \_\_\_\_\_.
- A. mengukur nilai yang diletakkan oleh pembeli ke atas sesuatu barang
  - B. adalah jumlah sebenar yang diterima oleh penjual ditolak jumlah minimum yang sanggup beliau terima untuk sesuatu barang
  - C. adalah jumlah maksima yang sanggup dibayar oleh pembeli ditolak jumlah minimum yang sanggup diterima oleh penjual untuk sesuatu barang
  - D. adalah jumlah yang sanggup dibayar oleh pembeli ditolak jumlah sebenar yang dibayar olehnya untuk sesuatu barang
19. Manakah antara pernyataan berikut **TIDAK BENAR**?
- A. Melabur dalam skim pencen dianggap baik kerana ramai orang menganggap remeh (*underestimate*) keperluan simpanan persaraan.
  - B. Bahan terkawal mungkin dilihat sebagai barang tak berjasa (*demerit*) kerana orang boleh menjadi ketagih kepadanya dan merosakkan kesihatan.
  - C. Jika perkhidmatan kesihatan dibekalkan oleh pembekal swasta dan orang membiayainya menggunakan insurans peribadi, maka orang yang tidak sihat mungkin terpaksa membayar premium yang paling tinggi.
  - D. Adalah adil bagi pelajar membayar sepenuhnya kos pendidikan tinggi kerana mereka mendapat semua faedahnya.
20. Secara umum, sumber digunakan secara efisien apabila \_\_\_\_\_.
- A. barang yang dikeluarkan adalah yang paling tinggi nilainya
  - B. kos melepas barang yang dikeluarkan adalah yang paling rendah
  - C. faedah marginal barang melebihi kos marginal
  - D. Tiada jawapan.
21. Andaikan pengguna meletakkan nilai sesuatu barang lebih tinggi daripada sebelumnya. Maka kuantiti efisien untuk barang tersebut akan \_\_\_\_\_.
- A. tidak berubah
  - B. meningkat kemudian menurun
  - C. meningkat
  - D. tidak dapat ditentukan

**- 6 -**

22. Kos yang tidak ditanggung oleh pengeluar tetapi ditanggung oleh orang lain dinamakan kos \_\_\_\_\_.
- A. marginal
  - B. eksternal
  - C. perundangan
  - D. berubah
23. Masalah utama dalam ekonomi adalah \_\_\_\_\_.
- A. pengagihan
  - B. penggunaan
  - C. kelangkaan
  - D. wang
24. Manakah antara berikut **BUKAN** objektif pemasaran?
- A. Aliran tunai.
  - B. Peletakan.
  - C. Jumlah jualan.
  - D. Pelanggan baharu.
25. Pembekal \_\_\_\_\_ berkemungkinan besar adalah satu monopoli.
- A. tenaga elektrik
  - B. buku teks
  - C. ubat gigi
  - D. kasut
26. Penebangan hutan untuk membina empangan hidroelektrik adalah satu contoh \_\_\_\_\_.
- A. faedah marginal kepada pengeluar elektrik
  - B. kos kesejahteraan
  - C. kos yang dibayar oleh pembekal utiliti
  - D. kos eksternal
27. Monopoli yang tidak dikawal \_\_\_\_\_.
- A. tidak boleh mengubah kuantiti pasaran
  - B. boleh mempengaruhi kuantiti pasaran dan harga
  - C. tidak boleh dimasukkan
  - D. mengikut harga pasaran

- 7 -

28. Manakah antara berikut merupakan pernyataan **TIDAK BENAR** tentang monopoli?
- A. Monopoli adalah pembekal tunggal sesuatu barang.
  - B. Monopoli tidak mempunyai halangan untuk masuk dan keluar dari industri.
  - C. Barang yang dihasilkan oleh monopoli tiada pengganti yang hampir.
  - D. Tiada jawapan.
29. Francais umum ialah \_\_\_\_\_.
- A. hak eksklusif yang diberikan kepada pencipta produk
  - B. lesen yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk menjalankan sesuatu profesi
  - C. sumber unik bahan mentah tertentu
  - D. hak eksklusif yang diberikan kepada firma untuk membekalkan barang atau perkhidmatan
30. Industri yang membolehkan satu firma membekalkan keseluruhan pasaran pada harga yang lebih rendah daripada dua atau lebih firma dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. monopoli legal
  - B. monopoli satu harga
  - C. monopoli asli
  - D. monopoli diskriminasi harga
31. Semua berikut adalah contoh diskriminasi harga **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. harga tiket tayangan tengahari yang lebih murah
  - B. tawaran beli-satu-percuma-satu
  - C. *early bird specials*
  - D. pilihan bayaran “beli sekarang bayar kemudian”
32. Bagi monopoli, keluk permintaan industri adalah \_\_\_\_\_ firma.
- A. fungsi keuntungan
  - B. keluk hasil marginal
  - C. keluk penawaran
  - D. keluk permintaan
33. Berbanding dengan monopoli satu-harga, industri kompetitif sempurna mengeluarkan \_\_\_\_\_.
- A. lebih output dan harganya lebih tinggi
  - B. lebih output dan harganya lebih rendah
  - C. kurang output dan harganya lebih tinggi
  - D. kurang output dan harganya lebih rendah

...8/-

**- 8 -**

34. Berbanding dengan industri kompetitif, monopoli memindahkan \_\_\_\_\_.
- A. lebihan pengguna kepada pengeluar
  - B. lebihan pengeluar kepada pengguna
  - C. kerugian lalut daripada pengeluar kepada pengguna
  - D. kerugian lalut daripada pengguna kepada pengeluar
35. Ahli ekonomi mengandaikan bahawa objektif firma persaingan sempurna adalah untuk memaksimakan \_\_\_\_\_.
- A. hasil
  - B. keuntungan ekonomi
  - C. harga output
  - D. kuantiti yang dijual
36. Lebihan pengguna adalah terbesar bagi \_\_\_\_\_.
- A. monopoli harga tunggal
  - B. industri persaingan sempurna
  - C. mana-mana monopoli diskriminasi harga
  - D. monopoli diskriminasi harga sempurna
37. Firma persaingan monopolistik \_\_\_\_\_ kuasa untuk menetap harga produknya kerana \_\_\_\_\_.
- A. tiada; tiada halangan kemasukan
  - B. sedikit; ada halangan kemasukan
  - C. sedikit: pembezaan produk
  - D. tiada; pembezaan produk
38. Firma dalam persaingan monopolistik boleh mencapai pembezaan produk dengan cara \_\_\_\_\_.
- A. mengeksplotasikan ekonomi berdasarkan skala dalam pengeluarannya
  - B. mengiklankan ciri-ciri istimewa
  - C. membesar saiz kilang
  - D. menetapkan harga sama dengan purata hasil
39. Contoh industri yang persaingan monopolistik ialah \_\_\_\_\_.
- A. perkhidmatan telefon bimbit
  - B. industri restoran
  - C. pertanian gandum
  - D. industri automobil

- 9 -

40. Satu perbezaan penting antara monopoli dan persaingan monopolistik ialah \_\_\_\_\_.
- A. sekatan output yang lebih besar dalam persaingan monopolistik
  - B. tiada halangan kemasukan untuk persaingan monopolistik
  - C. keluk hasil marginal and keluk permintaan adalah sama
  - D. kecerunan keluk permintan yang dihadapi oleh firma
41. Diskriminasi harga sempurna bermaksud bahawa firma \_\_\_\_\_.
- A. mengenakan harga maksimum yang sanggup dibayar oleh pembeli untuk setiap unit
  - B. mengenakan harga berbeza kepada pembeli mengikut bangsa
  - C. mengenakan harga berbeza kepada kumpulan pengguna yang berbeza
  - D. mengenakan harga tertinggi mungkin kepada semua pembeli
42. Manakah antara berikut **BUKAN** penghalang kemasukan ke sesuatu industri?
- A. Kawalan sebuah firma ke atas sumber utama.
  - B. Keperluan mengambil risiko apabila memulakan perniagaan.
  - C. Paten.
  - D. Undang-undang kerajaan yang menghadkan bilangan firma bagi sesuatu industri.
43. Kerajaan mengenakan larangan penawaran atau pembelian sesuatu barang tertentu. Andaikan sebahagian pembekal dan pengguna melanggar larangan tersebut. Manakah antara berikut **TIDAK BOLEH** berlaku?
- A. Harga mungkin meningkat.
  - B. Harga tidak berubah.
  - C. Harga mungkin menurun.
  - D. Tiada harga kerana barang dijual di pasaran gelap.
44. Satu perbezaan antara oligopoli dengan persaingan monopolistik ialah \_\_\_\_\_.
- A. industri persaingan monopolistik mempunya firma yang sedikit
  - B. kurang firma bersaing dalam oligopoli berbanding persaingan monopolistik
  - C. persaingan monopolistik mempunyai produk yang serupa
  - D. persaingan monopolistik mempunyai halangan kemasukan

**- 10 -**

45. Satu contoh oligopoli adalah \_\_\_\_\_.
- A. syarikat penyedia telekomunikasi dan internet
  - B. industri perhotelan
  - C. industri pakaian
  - D. industri restoran
46. *Game theory* paling sesuai untuk menganalisis \_\_\_\_\_.
- A. monopoli
  - B. persaingan sempurna
  - C. oligopoli
  - D. persaingan monopolistik
47. *Prisoner's dilemma* menerangkan strategi permainan yang memperlihatkan \_\_\_\_\_.
- A. ramai pesaing bekerjasama antara satu sama lain
  - B. peserta akhirnya berpakat
  - C. dua pemain yang tidak dapat berkomunikasi antara satu sama lain
  - D. satu situasi apabila seorang pemain mempunyai peluang yang lebih baik
48. Bagi oligopoli yang terlibat dalam penetapan harga, ganjarannya adalah \_\_\_\_\_.
- A. reputasi firma
  - B. jualan firma
  - C. keuntungan firma
  - D. syer pasaran firma
49. Kartel biasanya mempunyai perjanjian pakatan untuk \_\_\_\_\_.
- A. menurunkan harga
  - B. meningkatkan output
  - C. menghadkan output
  - D. meningkatkan jumlah firma
50. Duopoly adalah satu bentuk \_\_\_\_\_.
- A. oligopoli
  - B. persaingan monopolistik
  - C. persaingan sempurna
  - D. monopoli

- 11 -

51. Perang harga \_\_\_\_\_.  
A. berkemungkinan berlaku apabila adanya monopolii  
B. berkemungkinan berlaku apabila adanya persaingan sempurna  
C. berkemungkinan berlaku apabila adanya oligopoli  
D. sama dalam kes monopolii, oligopoli dan persaingan sempurna
52. Persaingan sempurna ialah industri dengan \_\_\_\_\_.  
A. sebilangan kecil firma yang menghasilkan produk yang sama  
B. banyak firma menghasilkan produk yang agak berlainan  
C. sebilangan kecil firma menghasilkan produk yang agak berbeza kualiti  
D. banyak firma menghasilkan produk yang serupa
53. Jumlah keuntungan ekonomi ialah \_\_\_\_\_.  
A. jumlah hasil tolak jumlah kos melepas  
B. hasil marginal tolak kos marginal  
C. jumlah pendapatan dibahagikan dengan jumlah kos  
D. hasil marginal dibahagikan dengan kos marginal
54. Dalam persaingan sempurna, firma yang memaksimumkan keuntungan ekonomi akan menjual produknya \_\_\_\_\_.  
A. bawah harga pasaran  
B. melebihi harga pasaran  
C. bawah harga pasaran jika keluk penawaran tidak anjal dan atas harga pasaran jika keluk penawaran anjal  
D. pada harga pasaran
55. Kos yang terpaksa ditanggung walaupun tiada output dihasilkan ialah \_\_\_\_\_.  
A. kos tetap  
B. kos eksternal  
C. kos berubah  
D. kos marginal
56. Firma sepatutnya menutup perniagaan sekiranya harga produk \_\_\_\_\_.  
A. kurang daripada kos berubah purata minimum  
B. lebih daripada kos berubah maksimum  
C. lebih daripada kos berubah purata minimum  
D. kurang daripada jumlah kos minimum

**- 12 -**

57. Firma yang ditutup dan tidak lagi mengeluarkan output menanggung kerugian bersamaan \_\_\_\_\_.  
A. kos marginal  
B. jumlah kos tetap  
C. jumlah kos berubah  
D. hasil marginal
58. Firma yang mengurangkan pengeluaran boleh mengurangkan \_\_\_\_\_.  
A. kos berubah tetapi bukan kos tetapnya  
B. kos tetap dan kos berubah  
C. kos tetap tetapi bukan kos berubahnya  
D. Tiada jawapan.
59. Kemungkinan firma kompetitif ditutup semasa kegawatan adalah lebih tinggi kerana pada waktu ini firma mungkin tidak mampu membiayai \_\_\_\_\_.  
A. kos eksternal  
B. susut nilai mesin  
C. kos berubah  
D. kos tetap
60. Jika firma keluar daripada industri \_\_\_\_\_.  
A. keuntungan firma yang tinggal akan berkurangan  
B. keluk penawaran industri akan bergerak ke kiri  
C. harga produk turun  
D. output industri meningkat
61. Pasaran minuman ringan didominasi oleh Coke, Pepsi dan beberapa firma lain yang sering terlibat dalam perang harga. Oleh itu firma ini boleh diklasifikasikan sebagai \_\_\_\_\_.  
A. persaingan sempurna  
B. persaingan monopolistik  
C. oligopoli  
D. monopoli
62. Harga bagi firma persaingan monopolistik adalah \_\_\_\_\_.  
A. sama dengan hasil marginal  
B. lebih tinggi daripada hasil marginal  
C. lebih rendah daripada hasil marginal  
D. lebih tinggi daripada jumlah hasil

**- 13 -**

63. Mikroekonomi tidak mengambil kira perlakuan \_\_\_\_\_.
- A. agregat
  - B. pengguna
  - C. industri
  - D. firma
64. Model aliran perbelanjaan dan pendapatan menunjukkan perhubungan antara \_\_\_\_\_.
- A. pendapatan dan wang
  - B. upah dan gaji
  - C. barang dan perkhidmatan
  - D. firma dan isi rumah
65. Dalam sistem pasaran bebas, jumlah barang dan perkhidmatan yang boleh dinikmati oleh isi rumah bergantung kepada \_\_\_\_\_.
- A. pendapatan
  - B. upah dan bunga
  - C. kekayaan
  - D. pendapatan dan kekayaan
66. Nilai satu unit tambahan barang atau perkhidmatan adalah \_\_\_\_\_.
- A. harga minimum yang sanggup dibayar oleh pengguna
  - B. kos marginal
  - C. kos melepas
  - D. faedah marginal
67. Pengeluaran efisien berlaku sekiranya firma \_\_\_\_\_.
- A. tidak boleh mengeluarkan paras output semasa dengan input yang kurang
  - B. tidak boleh mengeluarkan lebih output dengan kuantiti input sedia ada
  - C. memaksimumkan keuntungan
  - D. Semua di atas.
68. Manakah pernyataan berikut paling tepat berkenaan fungsi pengeluaran?
- A. Keuntungan maksimum yang terhasil daripada paras input tertentu.
  - B. Paras maksimum output yang terhasil daripada paras input tertentu.
  - C. Semua paras output yang terhasil daripada paras input tertentu.
  - D. Semua paras input yang boleh menghasilkan paras output tertentu.


- 14 -

69. Dalam jangka masa panjang, semua faktor pengeluaran adalah \_\_\_\_\_.
- A. boleh berubah
  - B. tetap
  - C. boleh dipilih
  - D. boleh disewa
70. Merujuk kepada pengeluaran, jangka masa pendek didefinisikan sebagai \_\_\_\_\_.
- A. tempoh 6 bulan
  - B. tempoh 2 tahun
  - C. tempoh masa semua input adalah tetap
  - D. tempoh masa apabila sekurang-kurangnya satu input adalah tetap
71. Kos implisit adalah \_\_\_\_\_.
- A. kos alternatif yang dilepaskan
  - B. kos alternatif yang dipilih
  - C. kos yang mudah dikenal pasti
  - D. kos marginal
72. Hubungan kos-output membantu pihak pengurusan dalam \_\_\_\_\_.
- A. memformulasi piawaian operasi
  - B. memformulasi polisi saiz kilang
  - C. memformulasi polisi berkenaan unjuran keuntungan
  - D. Semua di atas.
73. Kos marginal adalah perubahan dalam jumlah kos hasil daripada perubahan unit \_\_\_\_\_.
- A. output
  - B. input
  - C. A dan B
  - D. produk
74. Konsep yang menyatakan bahawa firma patut mengambil berat tentang isu seperti perlindungan pelanggan, gaji yang adil dan alam sekitar dirujuk sebagai \_\_\_\_\_.
- A. pengurusan kewangan
  - B. memaksimumkan keuntungan
  - C. teori agensi
  - D. tanggungjawab sosial

- 15 -


75. Manakah antara berikut **BUKAN** alasan untuk meningkatkan harga?
- A. Tekanan kos.
  - B. Perbandingan harga.
  - C. Mengawal permintaan.
  - D. Permintaan yang meningkat.
76. Industri petroleum adalah satu contoh \_\_\_\_\_.
- A. oligopoli asli
  - B. persaingan monopolistik
  - C. duopoly
  - D. oligopoli terbeza
77. Kos berubah adalah kos yang \_\_\_\_\_.
- A. berubah per unit pada setiap paras aktiviti
  - B. berlaku beberapa kali setahun
  - C. berubah dalam jumlah yang berkadar dengan perubahan paras aktiviti
  - D. berubah mengikut kemahuan pengurus
78. Paras aktiviti apabila jumlah hasil sama dengan jumlah kos dikenali sebagai \_\_\_\_\_.
- A. titik berubah
  - B. titik tetap
  - C. titik tanda aras
  - D. titik pulang modal
79. Analisis perlakuan kos adalah kajian bagaimana kos firma \_\_\_\_\_.
- A. berkait dengan kos pesaingnya
  - B. berkait dengan perubahan umum paras harga
  - C. bertindak balas dengan perubahan aktiviti dalam firma
  - D. bertindak balas dengan perubahan Keluaran Dalam Negara Kasar
80. Zaki mengambil masa selama 45 minit untuk menyediakan makan malam dan 1 jam 30 minit untuk memotong rumput. Zakiah pula mengambil masa 1 jam 30 minit untuk menyediakan makan malam dan 2 jam untuk memotong rumput. Maka kos melepas Zaki untuk memotong rumput adalah \_\_\_\_\_.
- A.  $\frac{1}{2}$  makan malam
  - B. 2 makan malam
  - C.  $\frac{3}{4}$  makan malam
  - D. 3 makan malam

Gunakan graf di bawah untuk menjawab soalan 81 hingga 84.



81. Apabila harga adalah  $P_1$ , lebihan pengguna adalah \_\_\_\_\_.  
 A. A  
 B. A+B  
 C. A+B+C  
 D. A+B+D
82. Apabila harga meningkat daripada  $P_1$  kepada  $P_2$ , lebihan pengguna \_\_\_\_\_.  
 A. meningkat ke jumlah bersamaan A  
 B. berkurang jumlahnya sebanyak B+C  
 C. meningkat ke jumlah bersamaan B+C  
 D. berkurang jumlahnya sebanyak C
83. Pada  $P_1$ , jumlah nilai bagi pengguna adalah \_\_\_\_\_.  
 A. A+B  
 B. B+C  
 C. B+C+D+E  
 D. A+B+C+D+E
84. Pada  $P_1$ , jumlah yang dibayar oleh pengguna adalah \_\_\_\_\_.  
 A. A+B  
 B. B+C  
 C. D+E  
 D. B+C+D+E

Soalan 85 hingga 89 berdasarkan graf di bawah.



85. Graf di atas menunjukkan bahawa \_\_\_\_\_.  
 A. mustahil untuk menentukan kuantiti beg tangan yang efisien  
 B. kos sosial marginal bersamaan faedah sosial marginal apabila 3000 beg tangan dikeluarkan  
 C. 5000 beg tangan patut dijual dengan harga RM50 setiap satu untuk mendapatkan hasil yang efisien  
 D. kos sosial marginal bersamaan faedah sosial marginal apabila 5000 beg tangan dikeluarkan
86. Jika pasaran mengeluarkan jumlah beg tangan yang efisien maka lebih pengguna bersamaan segi tiga \_\_\_\_\_.  
 A. abc  
 B. cfg  
 C. adc  
 D. bcd
87. Jumlah lebih pengguna pada paras output efisien adalah \_\_\_\_\_.  
 A. RM90,000  
 B. RM25,000  
 C. RM45,000  
 D. RM85,000

**- 18 -**

88. Jika pasaran mengeluarkan jumlah beg tangan yang efisien maka lebih pengeluar bersamaan segi tiga \_\_\_\_\_.
- A. *bcd*
  - B. *abc*
  - C. *adc*
  - D. *dce*
89. Jumlah lebih pengeluar pada paras output efisien adalah \_\_\_\_\_.
- A. RM30,000
  - B. RM25,000
  - C. RM60,000
  - D. RM45,000
90. Kos eksplisit adalah perbelanjaan perniagaan yang mudah dikenal pasti seperti upah, sewa dan bahan mentah.
- A. Betul
  - B. Salah
91. Isokuan yang lebih jauh dari paksi asal menunjukkan paras output yang lebih tinggi.
- A. Betul
  - B. Salah
92. Keluk isokuan mempunyai kecerunan positif.
- A. Betul
  - B. Salah
93. Garis isokuan boleh bersilang.
- A. Betul
  - B. Salah
94. Garisan isokos mengenal pasti semua kombinasi modal dan buruh yang boleh digunakan oleh firma pada tahap jumlah kos tertentu.
- A. Betul
  - B. Salah

- 19 -

95. Titik tangen antara garisan isokos dan isokuan menunjukkan kos minimum yang diperlukan untuk mengeluarkan jumlah output tertentu.
- A. Betul  
B. Salah
96. Persaingan monopolistik merujuk kepada struktur pasaran yang mempunyai banyak firma kecil di dalamnya.
- A. Betul  
B. Salah
97. Seorang pekerja memilih untuk menyambung pengajian kerana faedah marginal melebihi kos marginal.
- A. Betul  
B. Salah
98. Keputusan berkenaan harga dan output firma yang ingin memaksimumkan keuntungan selalunya bergantung kepada kos.
- A. Betul  
B. Salah
99. Kos tetap adalah kos yang jumlahnya malar walaupun berlaku perubahan paras aktiviti.
- A. Betul  
B. Salah
100. Pulangan berkurangan produk marginal merujuk kepada keadaan yang berlaku apabila output meningkat walaupun input bertambah.
- A. Betul  
B. Salah

**BAHAGIAN B [10 markah]**

Bincangkan implikasi kualiti tenaga kerja isi rumah ke atas pasaran faktor pengeluaran dan seterusnya ke atas pasaran barang dan perkhidmatan.

- oooOooo -